

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 25 APRIL 2022

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/04/949547/ismail-sabri-rai-warga-felda-pada-majlis-berbuka-puasa>

Ismail Sabri rai warga FELDA pada majlis berbuka puasa



Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob beramah mesra bersama para hadirin pada Majlis Berbuka Puasa Perdana Menteri Bersama Warga Felda di Kompleks Seri Perdana malam ini. - Foto BERNAMA

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob hari ini berbuka puasa bersama warga Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dari seluruh negara di kediaman rasminya di Seri Perdana, di sini.

Turut serta ialah Pengerusi FELDA, Datuk Seri Idris Jusoh; Pengarah Besar FELDA, Amiruddin Abdul Satar; Pengerusi FGV Holdings Bhd, Datuk Dzulkifli Abd Wahab dan Ketua Peneroka FELDA Kebangsaan, Sulong Jamil Mohamed Shariff.

Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Majlis yang dihadiri kira-kira 900 tetamu itu turut diserikan dengan kehadiran 31 anak yatim dari Rumah Amal Raudhatul Jannah, Banting, Selangor.

Pada majlis itu Ismail Sabri turut menyerahkan cek replika zakat perniagaan FGV Holdings Bhd bernilai RM33.57 juta kepada 14 wakil dari majlis agama Islam.

Ismail Sabri seterusnya menunaikan solat Maghrib, diikuti Isyak serta Tarawih secara berjemaah dengan diimamkan oleh Imam Masjid Putra, Ahmad Termizi Zainudin. -
BERNAMA